

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan maklumat terkini jumlah pengambilan guru secara *one off* 2021 bagi negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 20 Jun 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan Pengambilan Khas seramai 18,702 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *one-off* bagi mengisi kekosongan guru di sekolah KPM. Urusan pengambilan PPP ini adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik.

Pengambilan ini adalah untuk mengisi kekosongan guru di sekolah bawah KPM di seluruh negara. Berdasarkan rekod KPM, Sarawak merupakan antara negeri yang mempunyai kekosongan guru yang tertinggi.

Urusan pengambilan guru secara *one off* ini, termasuk untuk negeri Sarawak, telah bermula pada 7 Julai 2021. Pada masa ini, SPP sedang melaksanakan temu duga secara berfasa mulai 8 September 2021 sehingga 12 November 2021. Proses pengambilan ini dijangka selesai pada bulan Disember 2021.